

# Petronas bayar royalti RM26.7b dalam 4 tahun

## Rizab minyak mentah, kondensat dijangka bertahan hingga 2030

Laporan Azman Zakaria,  
Norfatimah Ahmad, Sazarina  
Shahrim, Norliza Wasilan

**K**UALA LUMPUR: Petronas membayar RM26.7 bilion royalti minyak kepada Kerajaan Persekutuan dan tiga kerajaan negeri dari 2004 hingga 2007, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Amirliam Aziz.

Katanya, sebanyak RM13.4 bilion dibayar kepada Kerajaan Persekutuan, Terengganu (RM7.3 bilion), Sabah (RM1.2 bilion) dan Sarawak (RM4.9 bilion).

Mengenai rizab minyak dan gas negara, beliau berkata berdasarkan anggaran pengeluaran semasa dengan andaian keseluruhan rizab dapat dikeluarkan, rizab minyak mentah dan kondensat dijangka bertahan selama 22 tahun dan rizab gas 39 tahun.

"Walaupun pada zahirnya tempoh hayat rizab masih panjang, hakikatnya negara juga mengimport minyak dan gas untuk menampung sebahagian daripada keperluan tempatan.

Oleh itu, negara dijangka menjadi pengimport bersih tenaga alam tempoh terdekat iaitu dianggarkan pada 2014," katanya menjawab soalan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PKR-Permatang Pauh) di Dewan Rakyat semalam.

Amirsham berkata bagi tempoh 2004 hingga 2007, sejumlah 241.3 juta tong minyak mentah dan kondensat dikeluarkan iaitu 133.7 juta tong di Terengganu, 28.6 juta tong di Sabah dan 79 juta tong di Sarawak.

Bagi gas pula, sebanyak 2,081.4 bilion kaki padu dikeluarkan membitkan 748.2 bilion kaki padu di Terengganu, 41.2 bilion kaki padu di Sabah dan 1,292 bilion kaki padu di Sarawak.

Katanya, daripada jumlah pengeluaran minyak dan gas, 70 peratus dihasilkan oleh Petronas, manakala selebihnya oleh kontraktor perkongsian pengeluaran (PSC).

Beliau juga berkata, produk petroleum dan gas yang dieksport oleh anak syarikat Petronas adalah berdasarkan harga pasaran semasa du-

### FAKTA NOMBOR

Bayaran royalti minyak  
daripada Petronas

**RM 13.4 b**

Kerajaan Persekutuan

**RM 7.3 b**

Terengganu

**RM 1.2 b**

Sabah

**RM 4.9 b**

Sarawak

nia, manakala harga produk petroleum dan gas yang dijual di pasaran domestik sebahagiannya ditetapkan oleh kerajaan seperti harga jualan gas kepada sektor elektrik dan bukan elektrik.

"Hasil keseluruhan daripada jualan produk petroleum dan gas oleh Petronas adalah RM165.3 bilion bagi tahun kewangan berkenaan," katanya.

Menjawab soalan tambahan Dr Wan Azizah, beliau berkata, pengeluaran gas cecair untuk Petronas di Sarawak memerlukan pelaburan besar dan Petronas harus mendapatkan kontrak jangka panjang bagi menetapkan kedudukan kewangannya daripada segi perbelanjaan untuk CAPEX (Capitalist Expenditure).

Justeru, kontrak Petronas adalah kontrak jangka panjang berupa formula kontrak yang terapung mengikut kadar pasaran terkini.

"Oleh itu tidak timbul persoalan mengenai kerugian Petronas daripada kontrak itu kerana ia disesuaikan mengikut pasaran" katanya.